

UMS promosi muzik tempatan

Oleh SADDAM EDRIS

► Jalin kerjasama dengan pemuzik antarabangsa

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) mahu memastikan muzik tempatan di Sabah dapat diperkenalkan ke peringkat antarabangsa melalui kerjasama dengan pelbagai pemuzik pakar luar negara.

Dekan FKSW Profesor Dr Ismail Ibrahim berkata usaha itu dilaksanakan melalui penglibatan profesor universiti luar negara dalam setiap bengkel yang menjurus kepada bidang muzik di institusi itu.

“Sudah tentu bengkel yang menjurus kepada muzik akan lebih memberi impak positif kepada industri muzik negara khususnya di Sabah yang kaya dengan pelbagai etnik dan

budaya.

“Jadi, kita merasakan bahawa dengan usaha UMS ini, pemuliharaan budaya tempatan khususnya muzik di Sabah akan lebih terjamin dan terpelihara termasuk usaha mendokumentasi budaya etnik Borneo,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Bengkel ‘Early Childhood Music Level

1’ anjuran Unit Penyelidikan Warisan Borneo dan Program Muzik FKSW, di sini, pagi Isnin.

Bengkel yang berlangsung lima hari bermula kelmarin itu disertai 26 orang yang dikendalikan oleh Pensyarah Pendidikan Muzik Universiti Hawaii Profesor Dr Chet Yeng Loong.

Mengulas bengkel kali

“Sudah tentu bengkel yang menjurus kepada muzik akan lebih memberi impak positif kepada industri muzik negara khususnya di Sabah yang kaya dengan pelbagai etnik dan budaya.”

PROFESOR DR ISMAIL IBRAHIM

Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW)



ISMAIL (dua kanan) merakam gambar kenangan bersama penganjur dan peserta bengkel. Turut kelihatan Chet (tiga kanan).

kedua itu, Ismail berharap agar lebih ramai terlibat pada penganjuran tahun

seterusnya.

Katanya bengkel itu dilihat amat berguna

bagi mempelbagai serta meningkatkan teknik pengajaran muzik kepada

golongan sasar iaitu kanak-kanak berusia 3 hingga 6 tahun.